

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 28 NOVEMBER 2013 (KHAMIS)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Lafarge bakal bina Makmal Negara	Kosmo
2.	'Sejadah Interaktif' juarai Bengkel Cabaran MyIdeas	Berita Harian
3.	UMK terima dana RM1 juta bangunkan usahawan	Kosmo

## Lafarge bakal bina Makmal Negara



MULRONEY (kiri) dan Judin (kanan) selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman antara Lafarge Cement dengan CIDB Holdings di Kuala Lumpur semalam.

Oleh NOR AZIRAN YUNUS  
aziran.yunus@kosmo.com.my

**KUALA LUMPUR** - Lafarge Malaysia Bhd. menjangkakan Makmal Pembangunan Pembinaan (CDL) yang dibina di Petaling Jaya, Selangor akan siap menjelang suku pertama tahun depan.

Ia merupakan makmal kelima di dunia yang akan memberi tumpuan kepada usaha membangunkan penyelesaian inovatif serta khusus untuk memenuhi keperluan tempatan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Lafarge, Bradley Mulroney berkata, dengan terbinanya CDL itu, ia mampu memberi penyelesaian kepada pembinaan bangunan yang lebih baik, sejajar dengan pertambahan penduduk tempatan.

"Dengan terbinanya CDL itu nanti, kita akan dapat menguji sistem pembinaan dalam konteks yang berbeza.

"Ia juga mampu menun-

tut kecekapan dalam proses pembinaan dan bukan sekadar kepada produk semata-mata.

"Pada masa yang sama, kami juga akan membina sebuah Makmal Negara di kawasan yang sama. Pembinaan makmal itu nanti mampu mengawal dari segi teknikal atau kawalan kualiti untuk semua fasiliti di negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman antara anak syarikat Lafarge, Lafarge Cement Sdn. Bhd. (Lafarge Cement) dengan anak syarikat Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), CIDB Holdings Sdn. Bhd. (CIDB Holdings) di sini semalam.

Pada majlis tersebut, Lafarge diwakili oleh Mulroney manakala Ketua Pegawai Eksekutif CIDB Malaysia, Datuk Seri Ir. Dr. Judin

Abdul Karim mewakili CIDB Holdings.

Turut hadir Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin serta Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah.

Bagaimanapun, Mulroney enggan menyatakan kos bagi menubuhkan CDL.

Sebelum ini dilaporkan bahawa syarikat pengeluar simen itu merancang untuk menubuhkan makmal menjelang akhir tahun ini bagi menghasilkan bahan pembinaan yang lebih baik, sejajar dengan penduduk tempatan yang semakin meningkat.

Menurut beliau, Lafarge telah memiliki makmal seumpama itu di Perancis, China, India dan Algeria.

Sementara itu, Rosnah berkata, perjanjian kerjasama tersebut bertujuan untuk menggalakkan penggunaan simen dan konkrit seterusnya mempertingkatkan piawaian pembinaan di Malaysia.

"Industri pembinaan sedang berkembang pesat dan mencatat rekod tertinggi kira-kira 18 peratus pada tahun lalu. Saya yakin, pada

tahun ini pertumbuhan itu akan terus kekal pada angka dua digit.

"Pertumbuhan pesat industri pembinaan itu juga berpunca daripada pening-

katan permintaan untuk projek-projek pembinaan dan ia perlu disokong oleh bekalan yang mencukupi serta para pekerja berkemahiran tinggi," katanya.

**KERATAN AKHBAR**  
**BERITA HARIAN (VARSITI BERITA SISWA): MUKA SURAT V4**  
**TARIKH: 28 NOVEMBER 2013 (KHAMIS)**



**Nur Wahidah** (dua dari kanan) menyampaikan hadiah kepada Nik Noor Syamimi (kanan).

## ‘Sejadah Interaktif’ juarai Bengkel Cabarhan MyIdeas

**Kuala Lumpur:** Pelajar Kolej Technology Park Malaysia (TPM), Nik Noor Syamimi Ismail, muncul pemenang Bengkel Cabaran MyIdeas 2013 yang diadakan di Pusat Sains Negara di sini.

Nik Noor Syamimi yang mengikuti program Diploma Bioteknologi di Kolej TPM, mempertaruhkan idea dan produk ‘Sejadah Interaktif’ pada pertandingan anjuran Bahagian Inovasi dan Pengkomersialan, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) itu.

Hadiyah disampaikan oleh Setiausaha Bahagian Inovasi dan Pengkomersialan kementerian, Datin Nur Wahidah Wong Abdullah, pada majlis di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) bersempena

dengan World Innovation Forum Kuala Lumpur (WIF-KL) 2013 yang berlangsung baru-baru ini.

### Jana idea mantap

Seramai 70 peserta terdiri daripada tenaga pengajar dan pelajar dari institusi pengajian tinggi awam (IPTA) serta swasta (IPTS) menyertai Bengkel Cabaran MyIdeas 2013, antaranya Giat MARA Selangor dan Wilayah Persekutuan, Politeknik

Shah Alam, Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), Kolej Poli-Tech MARA (KPTM) dan Kolej TPM Kuala Lumpur.

Bengkel itu bertujuan membudayakan pemikiran kreatif, analitis, kritikal dan lateral ke arah penjanaan idea yang mantap serta praktikal secara komprehensif.

### FAKTA NOMBOR

**70**  
peserta

terdiri daripada  
tenaga pengajar dan  
pelajar menyertai  
Bengkel Cabaran  
MyIdeas 2013

**KERATAN AKHBAR  
KOSMO (NIAGA) : MUKA SURAT 57  
TARIKH: 28 NOVEMBER 2013 (KHAMIS)**

# UMK terima dana RM1 juta bangunkan usahawan

**KUALA LUMPUR** – Universiti Malaysia Kelantan (UMK) menerusi Global Entrepreneurship Research and Innovation Center (GERIC) menerima dana sebanyak RM1 juta daripada Kementerian Pendidikan untuk menjayakan Program Keusahawanan 3T (Talent, Temperament & Technology).

Ketua Unit Pembangunan Perniagaan Teknologi GERIC-UMK, Prof. Dr. Abu Bakar Sade berkata, objektif utama Program Keusahawanan 3T itu adalah untuk menghasilkan usahawan terlatih serta berdaya saing dalam sektor kreatif,

kesihatan, agro, peruncitan dan pelancongan.

“Kami menasarkan untuk melahirkan lima usahawan di dalam sektor berkenaan,” katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.

Abu Bakar memberitahu, Program Keusahawanan 3T merupakan satu versi program pembangunan usahawan khusus untuk para graduan dari mana-mana universiti tempatan yang berkelayakan dan mereka perlu mengkomesialkan produk-produk penyelidikan.

Tambah beliau, selain Kemente-

rian Pendidikan, program itu juga turut disokong oleh Malaysia Technology Development Corporation (MTDC) dan pihaknya mengharapkan agensi-agensi lain seperti Amanah Ikhtiar Malaysia, Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga, Malaysia Venture Capital termasuk SME Bank akan tampil membantu bakal-bakal usahawan itu nanti.

Tambah beliau, seramai 50 peserta telah terpilih untuk menjalani program selama 12 bulan itu, namun pada akhir program hanya 20 peserta akan dipilih untuk ke peringkat akhir selama 24 bulan lagi.



SEBAHAGIAN daripada peserta Program Keusahawanan 3T di Kuala Lumpur semalam.